

• Cara-cara penyertaan: •

- Beli sebarang produk minuman pek MILO UHT yang bernilai RM4 dan ke atas dalam 1 resit bercetak asal sebagai Bukti Pembelian. Sila rujuk senarai yang turut serta.
- Cari semua perkataan MILO di dalam gambar silangkata yang ditunjukkan dan tandakan jawapan yang betul.
- Setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk 1 penyertaan SAMA ADA melalui Pos, ATAU WhatsApp sahaja. Hantarkan penyertaan anda melalui salah satu cara berikut:

A. Melalui pos biasa



Lengkapkan borang penyertaan ini, sertakan resit bercetak asal dalam satu sampul surat, lekatkan setem yang mencukupi dan hantarkan ke alamat berikut:

PERADUAN CARİ MILO & MENANG

Nestlé Products Sdn. Bhd.
Peti Surat 8812, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46798 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ATAU



B. Melalui Aplikasi WhatsApp

Tuliskan nama penuh, nombor kad pengenalan dan jawapan betul di atas resit bercetak asal anda. Jika anda berumur 18 tahun ke bawah: Tuliskan juga nama ibu, bapa atau penjaga dan nombor kad pengenalan di atas resit bercetak asal anda.

Ambil 1 gambar yang lengkap dan jelas dan WhatsApp ke **011-58731183**




PERHATIAN: Pastikan WhatsApp yang dihantar hanya mengandungi 1 gambar resit lengkap SAHAJA. Pastikan gambar resit dan maklumat adalah jelas dan boleh dibaca.
Peserta MESTI menyimpan Bukti Pembelian asal untuk pengesahan Pemenang dan penebusan Hadiah.

JADUAL BUKTI PEMBELIAN

PRODUK MINUMAN MILO YANG TURUT SERTA	BUKTI PEMBELIAN
MILO UHT 125ML	Resit bercetak asal dengan pembelian produk minuman MILO UHT bernilai RM4 dan ke atas sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap RM4 akan diberikan 1 Nombor Bersiri. Contoh:
MILO UHT 200ML	
MILO NUTRI PLUZ 200ML	
MILO UHT 1L	

Nota: MILO UHT 1L Cecair Pekat tidak mengambil bahagian dalam peraduan ini. Setiap pembelian minima RM4 dalam satu resit bercetak asal = 1 penyertaan layak.



Berapakah jumlah perkataan 'MILO' yang terdapat di dalam gambar silangkata ini termasuk contoh yang dibulatkan?

Jawapan: 3 **atau 5**

Lengkapkan butir diri anda:

Nama seperti dalam Kad Pengenalan (En/Puan/Cik):
 No. Kad Pengenalan: --

Alamat Kediaman:
 Bandar:

Poskod: ---
 Telefon Rumah: ---
 Telefon Bimbit: ---

Lengkapkan maklumat ibu/bapa/penjaga di bawah untuk peserta yang berumur antara 7 – 17 tahun.

Nama seperti dalam Kad Pengenalan (En/Puan/Cik):
 No. Kad Pengenalan: --
 Telefon Bimbit: ---
 Tandatangan Ibubapa / Penjaga:

Saya ingin menerima maklumat mengenai produk, promosi dan acara Nestlé pada masa hadapan.

Jadual bagi Syarat Penyertaan

- Penganjur: Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
- Promosi: PERADUAN CARİ MILO & MENANG.
- Tempoh Promosi: Promosi bermula pada 06/07/2020 dan ditutup jam 11:59 malam pada 31/08/2020.
- Kelayakan:
 - Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 7 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
 - Peserta di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga yang sah untuk menyertai Peraduan ini. Kegagalan untuk berbuat demikian akan membatalkan kelayakannya. Bukti dokumen pengenalan dan/atau kebenaran ibu bapa atau penjaga yang sah mungkin dikehendaki. Borang Kebenaran Ibu Bapa, jika diperlukan oleh Penganjur telah dilampirkan di akhir dokumen ini.
- Kaedah Penyertaan:
 - Untuk menyertai Promosi, beli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Empat [RM4] mana-mana produk MILO UHT yang turut serta yang ditunjukkan pada borang penyertaan Promosi ["Produk"] dalam satu resit invois cukai bercetak dari mana-mana kedai turut serta sepanjang Tempoh Promosi ["Resit"].
 - Untuk setiap penyertaan yang dikemukakan, anda mesti melampirkan Resit sebagai bukti pembelian ["BP"].
 - Terdapat dua [2] cara penyertaan dalam Promosi ini, iaitu sama ada melalui pos ATAU melalui aplikasi WhatsApp. Semua bentuk penyertaan lain termasuk perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan. Setiap BP hanya layak untuk satu [1] penyertaan SAMA ADA melalui Pos ATAU WhatsApp. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan melalui pos dan/atau WhatsApp yang disertakan dengan BP berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] BP.
 - Penyertaan melalui Pos:
 - Lengkapkan setiap borang penyertaan dengan butir-butir yang dikehendaki dan satu [1] jawapan yang betul. Borang penyertaan yang lengkap diisi bersama dengan satu [1] BP mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dikirim melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam borang penyertaan.
 - Penyertaan melalui WhatsApp:
 - Tulis di depan BP, nama penuh anda, nombor kad pengenalan, nama ibu, bapa atau penjaga dan nombor kad pengenalan - jika anda berumur 18 tahun dan ke bawah dan jawapan yang betul kepada satu [1] soalan yang ditunjukkan pada borang penyertaan Promosi. Tangkap satu [1] gambar BP lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki dan satu [1] jawapan yang betul, nama kedai, tarikh pembelian, dan jumlah pembelian. Hantar gambar melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 011-5873 1183. Penganjur TIDAK AKAN menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan melalui WhatsApp.
 - Untuk Penyertaan yang diterima melalui WhatsApp, penganjur berhak untuk meminta BP asal (salinan cetak) sebagai bukti dan maklumat kebenaran ibu bapa atau penjaga sah jika diperlukan untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak BP dan maklumat berkenaan apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kemenangan dan hadiah.
 - Tarikh Tutup Penyertaan: Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 31/08/2020. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
 - Hadiah Minggu:
 - Terdapat satu [1] Hadiah Utama dan dua puluh [20] Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi pada setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.
 - Hadiah Utama iaitu wang tunai berjumlah RM10,000 dan Hadiah Sagu Hati iaitu wang tunai berjumlah RM1,000 akan dikreditkan ke dalam Akaun Maybank/Maybank Islamic terpilih yang dibuka atau akan dibuka (tertakluk pada terma dan syarat) oleh anda seperti dalam senarai berikut:
 - Akaun Maybank2u.Premier**
 - Akaun Maybank2u Savers*
 - Akaun Zest-i**
 - Akaun Simpanan Yippee (berumur bawah 18 tahun)
 - Akaun imtben (berumur bawah 18 tahun)
 - Akaun Maybank2u.Premier dan Maybank2u Savers boleh dibuka secara dalam talian dengan mudah melalui www.maybank2u.com.my
 - **Akaun Zest-i ialah akaun patuh Syariah.
 - Maybank/Maybank Islamic adalah ahli PIDM. Perlindungan oleh PIDM tertakluk kepada kriteria kebolehinsuransan. Layari www.maybank2u.com.my untuk senarai deposit yang diinsuranskan.
 - Terdapat sejumlah lapan [8] Hadiah Utama dan satu ratus enam puluh [160] Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
 - Tempoh mingguan hadiah adalah seperti berikut:
 - Minggu 1: 06/07 – 12/07/2020
 - Minggu 2: 13/07 – 19/07/2020
 - Minggu 3: 20/07 – 26/07/2020
 - Minggu 4: 27/07 – 02/08/2020
 - Minggu 5: 03/08 – 09/08/2020
 - Minggu 6: 10/08 – 16/08/2020
 - Minggu 7: 17/08 – 23/08/2020
 - Minggu 8: 24/08 – 31/08/2020
 - Maklumat Pengadil – Hadiah Minggu:
 - Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan satu nombor bersiri bagi setiap penyertaan pos dan WhatsApp yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya bagi setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi menurut BP yang dikemukakan [setiap satu dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri "1".
 - Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkannya untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 1779, Penganjur akan mengira dan memilih finalis ["Finalis"] untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:
 - Pemilihan satu [1] Finalis Hadiah Utama: $1779 \div 2 = 889.50$. Oleh sebab pembahagian 1779 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 88.95 akan dibundarkan ke bawah kepada 88. Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 88*, 176*, 264*, 352, 440 dan seterusnya. [contoh pengiraan: 88, 88+88=176, 176+88=264].
 - Terma Tambahan:
 - Penganjur akan menghubungi semua Finalis menerusi nombor hubungan atau nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.
 - Setiap peserta hanya boleh memenangi sepanjang tempoh Promosi:
 - Satu [1] Hadiah Sagu Hati setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Sagu Hati],
 - Satu [1] Hadiah Utama.
 - Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 31/08/2020 ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Penganjur berhak untuk melanjutkannya jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.
 - Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur akan dibatalkan.
 - Pihak Penganjur meletakkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.milo.com.my/happenings/>, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi yang disertakan pada Terma dan Syarat. Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.